

Hasutan punca konflik Dr. M-kerajaan

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib percaya tindakan yang dilakukan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hingga menimbulkan konflik antaranya dengan kerajaan adalah berpunca daripada hasutan pihak tertentu.

Beliau berkata, hasutan yang dimaksudkannya itu adalah berbentuk penyampaian maklumat tidak benar kepada Dr. Mahathir terutama yang menyentuh hal peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Akibatnya beliau berkata, Dr. Mahathir lantang mengkritik Perdana Menteri serta kerajaan dan Abdullah terpaksa bersemuka dengan rakyat melalui satu rancangan di TV3 untuk membuat penjelasan.

"Tun merupakan seorang yang hebat dan amat berjasa kepada negara. Oleh itu beliau tidak seharusnya dihasut oleh pihak tertentu dengan penyampaian maklumat-maklumat yang tidak benar.

"Seperti kata pemimpin sebelum ini setiap kenyataan Tun boleh memberi kesan kepada perpaduan rakyat. Oleh itu saya mendesak pihak-pihak tertentu ini berhenti menghasut Tun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan majlis perasmian Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai penjelasan Perdana Menteri mengenai segala tuduhan dan tohmahan serta isu-isu berkaitan dengan Dr. Mahathir dalam wawancara khas Bersemuka Bersama Perdana Menteri di TV3 malam semalam.

Dalam rancangannya yang dihoskan oleh Pengerusi Bernama, Datuk Mohd. Annuar Zaini, Perdana Menteri turut menjawab tohmahan yang dihubungkan dengan ahli keluarganya.

Muhammad berkata, beliau sentiasa berdoa supaya kemelut antara Dr. Mahathir dan kerajaan itu, segera ditamatkan kerana situasi yang berlaku itu juga boleh memberi kesan kepada agenda pembangunan rakyat.